



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 14/2017 dari 1 hingga 7 April 2018)

Kes Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-14 iaitu bermula dari 1 April hingga 7 April 2018 menunjukkan peningkatan. Sejumlah 1,135 kes Denggi telah dilaporkan pada minggu ke-14, peningkatan 59 kes (5.5%) berbanding minggu sebelumnya iaitu 1,076 kes. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi sehingga 7 April 2018 sebanyak 15,869 kes berbanding 25,503 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 9,634 kes (37.8%).


Terdapat lapan (8) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor 51 kes (8.4%), Johor 19 kes (21.3%), Sabah 9 kes (18.4%), Pulau Pinang 8 kes (14.5%), Perak 8 kes (14.5%), Negeri Sembilan 5 kes (26.3%), Terengganu 1 kes (33.3%) dan Kedah 1 kes (2.6%). Oleh yang demikian, aktiviti pencegahan Denggi perlu terus dipergiatkan terutamanya penghapusan pembiakan nyamuk Aedes melalui pembersihan persekitaran di premis yang berisiko tinggi seperti taman mainan/rekreasi, tanah/lot kosong, projek terbengkalai, kilang/gudang dan tanah perkuburan.

Untuk makluman, tiada kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-14, menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 32 kematian, berbanding 62 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2017, pengurangan sebanyak 30 kematian (48.4%).

Jumlah lokaliti wabak semasa meningkat sebanyak 9 lokaliti (2.7%), iaitu 335 lokaliti pada minggu ke-14 berbanding 326 lokaliti pada minggu sebelumnya. Pada minggu ke-14, terdapat 28 lokaliti hotspot yang dilaporkan melibatkan enam (6) buah negeri iaitu 20 lokaliti di Selangor, tiga (3) lokaliti di Perak, dua (2) lokaliti di Pulau Pinang, dan satu (1) lokaliti masing-masing di WPKL& Putrajaya, Sarawak dan Sabah.

Tiada kes Chikungunya dilaporkan pada minggu ke-14. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 7 April 2018 kekal sebanyak 41 kes iaitu 34 kes dari Kelantan, tiga (3) kes dari Kedah dan masing-masing satu (1) kes dari Sabah, Perlis, Selangor dan Sarawak. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati 634 sampel darah dan enam (6) sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Bersempena dengan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), Kementerian Kesihatan Malaysia menegaskan kepada semua agensi dan penduduk yang terlibat dalam kempen pilihanraya untuk mengambil langkah-langkah bagi mencegah penyakit demam Denggi. Agensi dan penduduk disarankan untuk sentiasa memastikan kawasan perhimpunan sentiasa bersih dengan mengamalkan gotong royong untuk membersihkan kawasan bagi memusnahkan semua bekas yang berpotensi untuk pemberian nyamuk Aedes. Penduduk setempat juga disarankan untuk menggunakan repelan serta memakai pakaian yang cerah berlengan panjang dan berseluar panjang ketika berkempen. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

12 April 2018

**Lampiran A**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 14/2018**  
**(1 hingga 7 April 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 14/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 14/2017	
		Minggu 14 (1 – 7 April 2018)		Minggu 13 (25 – 31 Mac 2018)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	6	0	10	0	70	0	57	0
2	Kedah	39	0	38	0	378	1	365	1
3	P. Pinang	63	0	55	0	1066	1	554	4
4	Perak	63	0	55	0	933	2	2303	6
5	Selangor	661	0	610	0	8566	10	13506	20
6	WP KL & Putrajaya	74	0	94	0	1091	2	2293	10
7	N. Sembilan	24	0	19	0	315	0	1076	7
8	Melaka	5	0	10	0	154	0	533	0
9	Johor	108	0	89	0	1559	4	1802	7
10	Pahang	14	0	18	0	244	1	637	1
11	Terengganu	4	0	3	0	46	0	101	0
12	Kelantan	9	0	17	0	267	1	1224	2
13	Sarawak	7	0	8	0	151	1	464	1
14	Sabah	58	0	49	1	1016	9	585	3
15	WP Labuan	0	0	1	0	13	0	3	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1135</b>	<b>0</b>	<b>1076</b>	<b>1</b>	<b>15869</b>	<b>32</b>	<b>25503</b>	<b>62</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**Lampiran B**

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 14/2018  
(1 hingga 7 April 2018)**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	32	94
2	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Jelapang Jaya	29	85
3	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	44	83
4	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 1 Bandar Teknologi	23	68
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 ( Flat E : Blok 47 - 54 )	25	65
6	PERAK	Kinta	Kg Merawan Indah	36	62
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Pangrapuri Perdana )	54	62
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 ( Tudm Subang A : Blok G1 - G8 )	37	61
9	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 ( Teres D : Jalan 18/19 - 18/27 )	28	54
10	P PINANG	Timur Laut	Mutiara Idaman	12	53
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 ( Padang Jawa K : Jalan Bilal Wondo )	14	51
12	SELANGOR	Hulu Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	14	50
13	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Pangrapuri Utarid : Blok 8 - 10 )	16	50
14	P PINANG	Timur Laut	Changkat Minden	11	46
15	PERAK	Kampar	K/B Jeram	17	45
16	SELANGOR	Klang	Jln Meru Bt 8 1/2 ( Lot A - 5441)	18	42

17	SELANGOR	Gombak	Kip Bt 8	8	42
18	SELANGOR	Gombak	Appt Sri Raya Up	6	39
19	WPKL	Kepong	Rivercity Condominium	5	39
20	SELANGOR	Klang	Taman Klang Utama(Jalan Sg Keramat 12)	10	38
21	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv3 (Zon C)	12	38
22	SELANGOR	Gombak	Appt Tmn Setia Rawang	16	36
23	SARAWAK	Asajaya	Serpan Laut	30	35
24	SABAH	Lahad Datu	Kampung Air	6	35
25	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Raya	14	34
26	SELANGOR	Gombak	Kg Sri Indah A	7	34
27	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 17 Teres F	8	31
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Kristal)	12	31